

Persidangan platform tonjol kreativiti

BUKIT MERTAJAM - Pembentangan penyelidikan yang dilaksanakan staf Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mampu menjadi pemangkin ke arah transformasi politeknik dan pengukuh-an kolej komuniti.

Pengarah Politeknik Seberang Perai (PSP), Zulkifli Ariffin berkata, persidangan penyelidikan yang berlangsung membantu membudayakan penyelidikan di kalangan pensyarah.

"Persidangan yang dijalankan buat kali kedua berturut-turut ini berdasarkan saranan Jabatan Pengajian Politeknik, sekali gus memenuhi Plan Transformasi Politeknik melalui jalinan antara IPTA dan PTS menerusi kerjasama pintar."

Zulkifli

“Persidangan yang dijalankan buat kali kedua berturut-turut ini berdasarkan saranan Jabatan Pengajian Politeknik, sekali gus memenuhi Plan Transformasi Politeknik melalui jalinan antara IPTA dan PTS menerusi kerjasama pintar.”

teknik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Persidangan Penyelidikan dan Inovasi (PePIN2013) di PSP, semalam.

"Ianya dapat menggalakkan per-kongsian ilmu dan teknologi yang relevan dalam kalangan pensyarah poli-

Persidangan yang bermula 5 Julai lalu dan berakhir hari ini dirasmikan Timbalan Ketua Pengarah (Strategik), Jabatan Pengajian Politeknik, Shabudin Man.

Zulkifli berkata, sebanyak 72 kertas penyelidikan dibentangkan menerusi per-sidangan yang terbahagi kepada empat kategori.

"Bertemakan Penyelidikan dan Inovasi Melestarikan Pengajian Tinggi Negara, pembentangan ini dapat meng-galakkan penghasilan penulisan ilmiah dalam kalangan staf akademik.

"Ianya dapat menjadi platform un-tuk mengembangkan kreativiti tenaga pengajar melalui kemahiran berfikir se-para analitikal dan kritikal.

"Justeru, diharapkan peserta meng-gunakan peluang sebaiknya untuk menonjolkan kemampuan dan kreativiti ma-sing-masing," katanya.



Shabudin (kanan) menyampaikan cenderahati kepada wakil yang terlibat selepas perasmian PePIN 2013 di Politeknik Seberang Perai, semalam.